



ARAHAN MENGARUSPERDANAKAN AGENDA ALAM SEKITAR

1.0 MENGARUSPERDANA ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar telah memperkenalkan kaedah penguatkuasaan secara Pematuhan Kendiri Terpimpin *Guided Self-Regulation* (GSR) dengan matlamat untuk membangunkan sebuah komuniti industri dan mereka yang terlibat dalam projek-projek pembangunan yang mempunyai budaya kecemerlangan alam sekitar. Dalam usaha membawa komuniti industri yang dikawalselia bagi mencapai tahap Pematuhan Kendiri, Jabatan Alam Sekitar telah merumuskan satu pendekatan yang perlu dilaksanakan oleh pemunya atau penduduk mana-mana premis perindustrian dan aktiviti yang ditetapkan di dalam perancangan, pembinaan, pelaksanaan atau operasi premis bagi mengarusperdankan agenda alam sekitar (*Environmental Mainstreaming, (EM)*) melalui penyediaan elemen-elemen berikut:-

- Polisi Alam Sekitar
- Bajet Alam Sekitar
- Jawatankuasa Pemantauan Alam Sekitar
- Kemudahan Alam Sekitar
- Kompetensi Alam Sekitar
- Laporan Alam Sekitar dan Komunikasi
- Ketelusan Alam Sekitar

Justeru itu, Pematuhan Kendiri adalah pelengkap kepada pendekatan sedia ada *Command and Control* yang bertujuan untuk mencapai pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan lebih berkesan. Elemen-elemen EM dijelaskan secara ringkas seperti berikut.

(i) **Polisi Alam Sekitar**

Untuk menyampaikan komitmen alam sekitar kepada pekerja, pelanggan, pihak berkepentingan, dan orang awam, dasar alam sekitar sesebuah organisasi yang berjaya perlulah menggunakan kenyataan yang tegas dan jelas. Dasar alam sekitar perlu disebarluaskan kepada semua pihak berkaitan dan diterjemahkan ke dalam bentuk prosedur kerja sesuatu organisasi, polisi pembelian bahan mentah, proses membuat keputusan berkaitan perniagaan dan seterusnya disampaikan ke rantaian pembekal.

(ii) **Bajet Alam Sekitar**

Bagi mengambil langkah-langkah untuk memenuhi kehendak perundangan dan usaha-usaha berkaitan pemeliharaan alam sekitar, peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan oleh sesebuah organisasi. Di peringkat rekabentuk, bajet adalah diperlukan bagi rekabentuk dan pemasangan sistem kawalan pencemaran, manakala pada peringkat operasi, bajet adalah penting untuk pengoperasian dan penyelenggaraan sistem kawalan pencemaran dan pengurusan sisa yang dihasilkan oleh industri atau pembangunan projek. Bajet alam sekitar juga adalah termasuk kos pembinaan kemudahan makmal analisis, penyediaan kakitangan yang berkaitan, dan pembelian peralatan pemantauan prestasi.

(iii) **Jawatankuasa Pemantauan Alam Sekitar**

Kejayaan sesebuah organisasi untuk memenuhi keperluan perundangan alam sekitar adalah bergantung kepada kakitangan di setiap jabatan di dalam organisasi tersebut yang memainkan peranan berkaitan secara berkesan. Untuk menggalakkan tanggungjawab kolektif untuk mematuhi keperluan alam sekitar, dua jawatankuasa pemantauan alam sekitar perlu ditubuhkan iaitu satu di peringkat operasi dan satu lagi di peringkat dasar.

Di peringkat operasi, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai jawatankuasa pemantauan prestasi alam sekitar (EPMC) perlu ditetapkan yang dipengerusikan oleh pengurus di bahagian operasi. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat secara bulanan, atau minimum setiap suku tahun dan perlu direkodkan. Manakala di peringkat dasar, satu jawatankuasa yang dikenali sebagai

jawatankuasa pemantauan pematuhan perundangan alam sekitar (ERCMC) hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali dalam sesuatu tahun dan rekod mesyuarat perlu disimpan. Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh ketua pegawai eksekutif premis atau pengerusi atau ketua organisasi atau pengurusan tertinggi.

Peranan Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Perundangan Alam Sekitar (ERCMC) antara lain adalah untuk:-

- (a) Memantau perlaksanaan dan keberkesanan polisi alam sekitar organisasi;
- (b) Memantau status pematuhan premis kepada Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya; dan
- (c) Membincang keperluan penambahbaikan kepada polisi alam sekitar, tindakan-tindakan perlu untuk mematuhi keperluan-keperluan baru alam sekitar, dan keperluan bajet alam sekitar dan kakitangan.

(iv) Kemudahan Alam Sekitar

Komponen utama kemudahan alam sekitar termasuklah sistem pengolahan efluen perindustrian, sistem kawalan pencemaran udara, amalan pengurusan terbaik dan kemudahan-kemudahan sokongan yang berkaitan seperti makmal analisis, peralatan pemantauan prestasi, sistem instrumentasi dalam talian dan kemudahan pengurusan sisa. Kemudahan Alam Sekitar ini membentuk sebahagian perancangan infrastruktur keseluruhan syarikat yang tidak dapat dikompromi.

(v) Kompetensi Alam Sekitar

Kakitangan premis perlu memiliki kompetensi dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab bagi memenuhi keperluan alam sekitar dalam sesebuah organisasi. Ini termasuk staf yang ditugaskan untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan dengan keperluan Jabatan Alam Sekitar termasuklah pengurusan sisa dan menyelia amalan pengurusan terbaik, kawalan pencemaran udara dan sistem pengolahan efluen. Sesebuah organisasi perlu menyediakan program latihan komprehensif untuk menghasilkan orang yang berwibawa dan kakitangan sokongan yang terlatih

untuk memastikan pematuhan sepenuhnya dalam aktiviti yang tertakluk di bawah perundangan Jabatan Alam Sekitar.

(vi) Laporan Alam Sekitar dan Komunikasi

Satu saluran komunikasi rasmi perlu diwujudkan untuk melaporkan status pematuhan alam sekitar dan sebarang masalah teknikal sistem kawalan pencemaran yang memerlukan langkah pembetulan dengan segera. Pelaporan dalaman meliputi pelaporan status pematuhan kepada perundangan alam sekitar secara sistematik kepada pihak pengurusan. Kehendak perundangan alam sekitar dan polisi terkini yang berkaitan juga boleh disebarluaskan kepada kakitangan organisasi. Laporan Alam Sekitar dan Komunikasi merangkumi analisis data pemantauan prestasi harus direkodkan dan dilaporkan dalam format yang sesuai dan mudah untuk tujuan komunikasi kepada pihak pengurusan.

(vii) Ketelusan Alam Sekitar

Sesebuah organisasi adalah digalakkan untuk mempamerkan ketelusan dalam aspek pencapaian dan pematuhan kepada perundangan alam sekitar bagi mempromosikan imej mesra alam dan kelestarian alam sekitar dan sekaligus meningkatkan keyakinan orang awam. Status pematuhan boleh dipaparkan di laman web syarikat atau papan notis yang terletak di sempadan atau pintu masuk premis atau melalui risalah yang diterbitkan secara berkala. Laporan kelestarian alam sekitar boleh juga diterbitkan untuk mempamerkan kejayaan organisasi di dalam aspek pengurusan alam sekitar dan usaha untuk mengurangkan impak kepada alam sekitar. Imej korporat sesebuah organisasi juga dapat dipertingkatkan secara signifikan melalui ketelusan alam sekitar.

2.0 Penutup

Mengarusperdanakan Agenda Alam Sekitar untuk Kecemerlangan Alam Sekitar

Dengan mengarusperdanakan agenda alam sekitar melalui pelaksanaan *EM Tools* secara komited oleh komuniti industri yang tertakluk di bawah AKAS 1974, akan melahirkan sebuah organisasi yang berjaya dan pada masa yang sama mencapai kecemerlangan alam sekitar. Kecemerlangan alam sekitar sesebuah organisasi itu dapat dilihat dari segi pematuhan berterusan kepada perundangan alam sekitar, ketelusan dan akauntabiliti alam sekitar, dan komitmen yang tinggi terhadap penambahbaikan secara berterusan.

ARAHANINI BERKUATKUASA SERTA MERTA

KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR (IBU PEJABAT)
PUTRAJAYA
1 MEI 2019

Nota:

LAPORAN PEMATUHAN EMT mesti diisi menggunakan sistem atas talian JAS (Sistem EMAINS) di <https://emains.doe.gov.my>



Rujukan kod QR untuk capaian web EMAINS